


29 Guru SK Membedai WP Labuan Menghadiri Bengkel Pemerkasaan Pentaksiran Bilik Darjah PBD Secara Dalam Talian



Sekolah kebangsaan Membedai telah mengadakan Program Bengkel Pemerkasaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) peringkat sekolah pada 10 Julai 2021 yang telah dirasmikan oleh Encik Mohamed Al Ghaffar bin Haji Mohamed Maidin Guru Besar SK Membedai W.P Labuan. Objektif bengkel ini dilaksanakan ialah untuk membimbing guru agar dapat melaksanakan pentaksiran bilik darjah dalam apa jua keadaan. Ini bermakna semasa pandemic covid 19 melanda dan guru-guru melaksanakan PdPR tetapi pada masa yang sama PBD masih tetap dilaksanakan. Bengkel telah dijalankan di atas talian dari jam 9 pagi hingga 11.30 pagi.

Dalam teks ucapan Pengarah Pendidikan yang dibacakan oleh

Guru Besar beliau merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas inisiatif dan komitmen pihak pentadbir dan guru-guru SK Membedai melaksanakan PLC bagi memperkasa pelaksanaan PBD sebagai satu instrumen untuk mengukur tahap penguasaan murid-murid dalam pembelajaran. Oleh itu, seperti kita sedia maklum pemansuhan UPSR kini tumpuan telah beralih dari penilaian berorientasi peperiksaan kepada pentaksiran yang menumpukan kepada perkembangan tingkah laku murid dalam penguasaan kemahiran pembelajaran. Sehubungan itu, langkah pihak sekolah memperkasa pelaksanaan PBD adalah amat bertepatan dengan perubahan tersebut dan diharapkan dapat mempertingkatkan kemenjadian murid secara berterusan dan holistik.



Guru Besar SK Membedai, Encik Mohd Al-Ghaffar Mohd Maidin Penceramah utama bengkel ialah Cikgu Juraidah binti Aman SISC+ Unit TVET serta dibantu oleh Cikgu Mohd Daud bin Abdullah SISC+ Unit TVET dan Cikgu Ebby Heryani binti Rahmat Mentor PBD TVET. Turut hadir bersama ialah Puan Amiah binti Bua, Ketua Penolong Pengarah Unit Bahasa Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan. Semua Pentadbir sekolah dan guru terlibat dalam bengkel ini.

Bengkel berjalan lancar dengan pembentangan dan soal jawab yang membina. Di peringkat sekolah, Pentadbir sekolah dan guru mempunyai peranan tersendiri bagi merealisasikan pelaksanaan PBD agar berkesan serta memberi impak yang positif kepada murid. Pihak pentadbir sekolah melakukan bimbingan dan pemantauan, manakala guru-guru dalam panitia mata pelajaran melakukan perbincangan sesama mereka dalam melakukan pertimbangan professional terhadap murid.

Berita Oleh : SK Membedai